

09 MAY 1998

Mahathir-perdagangan

PM GESA PERDAGANGAN MESIR-MALAYSIA DIPERTINGKATKAN

Oleh: Azaman Ujang

KAHERAH, 9 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyifatkan aktiviti perdagangan antara Malaysia dan Mesir sebagai kurang memuaskan, menggesa ia dipertingkatkan supaya berbaloi kepada kapal-kapal yang mengambil kargo di pelabuhan-pelabuhan Malaysia dan Mesir.

Katanya terdapat kekerapan kapal yang belayar antara kedua-dua negara tetapi yang penting ialah mempertingkatkan jumlah perdagangan.

Dr Mahathir berkata walaupun Penerbangan Malaysia (MAS) sekarang mengadakan penerbangan ke Kaherah melalui Lubnan, kekerapannya perlu ditambah untuk memudahkan perjalanan perniagaan serta pelancongan ke dua-dua hala.

Berucap pada Forum Perniagaan anjuran Persekutuan Dewan Perniagaan Mesir di Hotel Marriott di sini, beliau berkata walaupun Mesir adalah negara Arab yang pertama menubuhkan kedutaan di Kuala Lumpur pada tahun 1959, hanya pada pertengahan tahun 1980'an interaksi ekonomi meningkat antara kedua-dua negara.

Tetapi perdagangan dan pelaburan telah melihatkan pertumbuhan baik akhir-akhir ini dengan Mesir menjadi rakan kongsi niaga Malaysia yang kedua terbesar dari negara-negara Afrika selepas Afrika Selatan.

Dengan jumlah perdagangan dua hala mencatat AS\$233 juta pada tahun 1997, Perdana Menteri berkata ia boleh dipertingkatkan dalam jangka masa yang singkat sekiranya ahli-ahli perniagaan dari kedua-dua negara bekerjasama.

Tetapi pelaburan Malaysia di Mesir masih agak kecil. Syarikat multinasional Malaysia, Sime Darby terlibat dengan penapisan minyak sawit di Pelabuhan Said Mesir, manakala Perodua, pengeluar kereta kedua negara, sedang mengkaji kemungkinan mengeluarkan kereta di Mesir bersama dengan Proton, pengeluar kereta pertama negara.

"Kerajaan Mesir telah memberi sokongan yang baik. Kami berharap untuk dapat mengeluarkan kereta Malaysia/Mesir di sini, dan mengiringi industri itu dengan pengeluaran alat ganti dan komponen yang kita boleh saling mengeksport dan juga ke negara ketiga," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri dijadualkan merasmikan bilik pameran utama Perodua di Km 22 Cairo-Ismailia Desert Road di sini lewat Sabtu.

Sejurus selepas tiba di sini Jumaat untuk lawatan rasmi tiga hari, beliau mengadakan perbincangan dengan pengerusi Kumpulan Al-Jameel, Sheikh Yousef Abdul Latif Jameel mengenai cadangan usahasama Perodua dengan kumpulan itu.

Kereta keluarga Perodua yang kompak, Kancil, yang kedua terlaris dijual di Malaysia selepas model-model Proton, telah mula muncul dalam pasaran Mesir dengan jualan awal sebanyak 80 unit pada bulan Februari dan beberapa ratus lagi akan tiba pada bulan Mei dan akhir tahun ini.

Dr Mahathir berkata Malaysia, yang percaya kepada perkongsian bijak, melihat Mesir sebagai rakan kongsi yang baik bukan sahaja untuk mengeksport barangannya tetapi juga untuk mengimport barang-barang yang diperlukannya.

"Banyak yang boleh kita lakukan bersama, di sini di Mesir dan di Malaysia. Ahli-ahli perniagaan kita perlu melihat semua potensi dengan serius," kata beliau yang seperti biasa dalam lawatannya diiringi oleh satu delegasi perniagaan Malaysia.

Beliau memberitahu usahawan dan pelabur Mesir supaya tidak hanya melihat pasaran domestik di Malaysia, tetapi juga pasaran Asean dan

Asia-Pasifik.

Beliau berpendapat dengan memasukkan Myanmar dan Laos ke dalam Asean, rantau itu sekarang merupakan pasaran dengan lebih dari 491 juta penduduk dengan keluaran kasar negara (GDP) bersama berjumlah AS\$645 bilion. Asean mengandungi Brunei, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Singapura, Filipina, Thailand dan Vietnam.

Dr Mahathir berkata apabila Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) dilaksana sepenuhnya menjelang tahun 2003, akan wujud satu pasaran tunggal Asean yang mana tarif untuk barangan keluaran rantau itu tidak akan melebihi lima peratus dengan majoritinya menarik tarif sifar.

Pasaran serantau yang besar dan dinamik ini secara sendiri akan menjadi tarikan kepada pelabur asing.

"Saya ingin menggalakkan sektor swasta Mesir supaya memulakan operasi di Malaysia dan gunakan Malaysia sebagai batu loncatan untuk mengedar produk mereka ke rantau itu.

"Saya pasti kerajaan Mesir akan memberi segala sokongan. Sudah tentu kerajaan Malaysian akan memberi semua galakan dan sokongan," kata Dr Mahathir yang pada sebelah paginya mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Mesir Dr Kamal Ahmed Al Ganzoury.

Selepas menghadiri Forum Perniagaan itu, Perdana Menteri mengadakan perbincangan empat mata dengan Presiden Hosni Mubarak, diikuti dengan upacara menanda tangan perjanjian mengenai sains dan teknologi dan memorandum persefahaman (MoU) mengenai Hal Ehwal Islam dan Wakaf.

-- BERNAMA

AU WAT